

UNTUK SIARAN SEGERA



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

BELANJAWAN 2024: KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Belanjawan 2024 yang bertemakan "Belanjawan MADANI Kedua" adalah satu usaha yang amat penting bagi memelihara kesejahteraan rakyat dan negara. Aspek pendidikan terus diberi keutamaan oleh kerajaan demi memastikan hasrat membina Malaysia MADANI yang berdaya maju dan mampu bersaing di peringkat global tercapai.

Dalam Belanjawan 2024, sebanyak RM58.7 bilion telah diperuntukkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), menjadikannya sebagai penerima peruntukan terbesar.

Daripada keseluruhan jumlah peruntukan yang diterima KPM, sejumlah RM2.5 bilion diperuntukkan untuk pembinaan 26 buah sekolah baharu. Ini termasuk SMK Laya-laya, Sabah, SMK Baie, Sarawak, SMK Seri Melati, Pahang, SMK Bandar Universiti, Perak, dan SMK Binjai, Kelantan. Manakala RM82 juta pula disediakan untuk pembinaan 26 bangunan baharu prasekolah.

Sebanyak RM1.9 bilion disediakan untuk menaik taraf dan menyelenggara sekolah di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, RM930 juta diperuntukkan untuk kerja-kerja naik taraf bangunan dan prasarana daif melibatkan 450 buah sekolah, merangkumi 185 projek di Sarawak dan 155 di Sabah. Manakala sebanyak RM1 bilion pula adalah untuk penyelenggaraan di semua jenis sekolah termasuk Sekolah Pendidikan Khas dengan memberi tumpuan kepada keperluan murid autism.

Kerajaan turut memperuntukkan RM220 juta untuk pembangunan dua buah institusi Pendidikan Islam baharu termasuk Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Jempol, Negeri Sembilan bawah KPM.

Belanjawan 2024 turut memberi peluasan kepada bantuan persekolahan murid. Kerajaan bersetuju meluaskan kriteria pendapatan ibu bapa bagi permohonan Biasiswa Kecil Persekutuan (BKP) mengikut kadar pendapatan garis kemiskinan (PGK) RM2,589 berbanding RM1,500 sebelum ini. Bagi memastikan anak-anak keluarga miskin tidak tercicir daripada pendidikan, pemberian bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) turut diperluaskan kepada murid sehingga Tingkatan 3 berbanding sehingga Tingkatan 1 sebelum ini. Ia memberi manfaat kepada 1 juta orang murid dengan peruntukan RM150 juta.

Selain itu, RM100 juta disediakan untuk pemerkasaan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Peruntukan ini khusus untuk tujuan menyelenggara dan menaik taraf makmal komputer sekolah serta perolehan peralatan baharu untuk pembelajaran STEM.

Belanjawan 2024 turut mengambil kira infrastruktur dan peralatan sokongan murid berkeperluan khas (MBPK). RM180 juta disediakan untuk pembinaan 18 blok baharu pendidikan khas. Ini termasuk SMK Kubang Rotan, Kedah, SK Bandar Baru Perda, Pulau Pinang dan SMK Dato' Ali Ahmad, Perlis. Manakala RM30 juta disediakan untuk membekalkan peralatan sokongan pendidikan khas dan menyediakan kemudahan mesra Orang Kurang Upaya (OKU) di sekolah.

Peruntukan berjumlah RM100 juta turut disediakan bagi melaksanakan pendekatan holistik melibatkan semua pihak dalam membantu murid yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

KPM juga menyambut baik inisiatif kerajaan menyediakan sejumlah RM2.4 bilion untuk membina, menyelenggara dan membaik pulih kuarters penjawat awam termasuk kuarters guru.

KPM turut akan memberi penekanan kepada penerapan Karamah Insaniah dalam kalangan murid sekolah. Justeru itu, peluasan pelaksanaan program pembentukan karakter murid yang menumpukan kepada nilai kepimpinan, sahsiah diri, adab dan integriti. Manakala Jelajah Masa Depan Pendidikan Negara akan dilaksanakan untuk memastikan Pelan Pembangunan Pendidikan Negara yang sedang dirangka turut mengambil kira cadangan dan kekuatan ibu bapa, warga pendidik dan industri.

KPM menggalas amanah besar untuk memastikan peruntukan yang diberi dalam Belanjawan 2024 dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya dan memberi impak kepada pembangunan pendidikan negara.

-TAMAT-

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
14 OKTOBER 2023**